



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

18 SEPTEMBER 2014

KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN, PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA BERHUBUNG SURUHANJAYA UNTUK PENERBANGAN AWAM

KUALA LUMPUR: Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Datuk Nur Jazlan Mohamed mahu kerajaan supaya memilih ahli jawatankuasa suruhanjaya untuk penerbangan awam yang benar-benar profesional serta berkecuali.

Nur Jazlan yang juga Ahli Parlimen Pulaui berkata, langkah berkenaan amat penting bagi memastikan suruhanjaya berkenaan benar-benar bebas daripada sebarang pengaruh sekali gus membolehkan industri penerbangan negara menjadi sebuah industri yang dinamik untuk semua syarikat penerbangan terutama sekali syarikat tempatan.

Katanya, tiada guna kerajaan memilih Pengerusi serta Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada mereka yang terbabit dalam industri penerbangan tempatan sama ada daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) atau pihak kementerian.

“Mereka (ahli jawatankuasa) yang dipilih mesti benar-benar berkecuali bukannya sedang atau pernah menjawat jawatan dalam kerajaan di peringkat kementerian atau Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) seperti Khazanah, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) atau Malaysia Airport Berhad (MAHB),” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Nur Jazlan berkata, suruhanjaya berkenaan mesti dapat berfungsi sebagai pemantau dan perunding kepada semua syarikat penerbangan tempatan dan tidak memihak kepada mana-mana syarikat penerbangan termasuk MAS.

“Kita perlu sedar bahawa dalam industri penerbangan negara kini, bukan hanya ada MAS tetapi juga AirAsia dan juga Malindo Air yang mesti turut sama dibenarkan untuk sama-sama bersaing dengan kompetitif serta mendapat segala kemudahan serta keistimewaan sama rata.

“Tidak semestinya MAS yang dimiliki kerajaan melalui Khazanah mendapat segala keistimewaan hanya disebabkan mahu memulihkan jenama ini, hingga mengakibatkan syarikat-syarikat berkenaan, dipinggir serta ditekan...ini tidak elok untuk industri penerbangan terutama sekali rakyat,” katanya.

Beliau berkata, suruhanjaya berkenaan seharusnya menjalankan tanggungjawab seperti yang dilakukan Suruhanjaya Sekuriti (SC) yang bertindak sebagai pengawalselia serta pengantara.

Katanya, tidak ada gunanya menubuhkan suruhanjaya untuk penerbangan awam tetapi dianggotai mereka yang berkepentingan atau pernah mempunyai kepentingan dalam mana-mana syarikat yang mempunyai kaitan dalam industri penerbangan negara serta pegawai-pegawai daripada kementerian.

“Mereka yang mempunyai konflik kepentingan tidak boleh dipilih sebagai ahli suruhanjaya ini, kerana ia akan mengundang pelbagai tohmahan dan persepsi negatif kepada kerajaan sekali gus menyebabkan kredibiliti suruhanjaya ini, akan dipersoalkan,” katanya.